



KPM.600-7/1/5 Jld.7(52)
12 April 2017

Pengarah Kejohanan
National Scholastic Chess Championship 2017
Persekutuan Catur Malaysia
34-2, Persiaran 65C, Pekeliling Business Centre
Off Jalan Pahang Barat
53000 Kuala Lumpur

Tuan,

PERMOHONAN SOKONGAN MENGANJURKAN NATIONAL SCHOLASTIC CHAMPIONSHIPS 2017 UNTUK PEMILIHAN PEMAIN KE ASIAN SCHOOLS CHESS CHAMPIONSHIPS

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan perbualan telefon En. Anuar bin Idris dan En. Muhammad Rizal bin Jusah adalah berkaitan.

2. Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merakamkan terima kasih kepada Persekutuan Catur Malaysia dengan kerjasama Sekolah Sultan Alam Shah yang akan mengelolakan *National Scholastic Championships 2017* bagi kategori Bawah 7, 9, 11, 13, 15 dan 17 Tahun di Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya pada 14 hingga 16 April 2017. Kejohanan ini diadakan untuk pemilihan atlet murid ke peringkat *Asian Schools Chess Championships* yang akan di adakan di Panjin Lianoning, China pada 20 hingga 29 Julai 2017.

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini tiada halangan kepada tuan untuk menjemput sekolah bagi menyertai kejohanan berkenaan berdasarkan garis panduan berikut:

- 3.1 Pihak penganjur hendaklah mendapat kebenaran daripada Guru Besar / Pengetua Sekolah yang dijemput bagi menyertai kejohanan ini;
- 3.2 Memastikan penyertaan atlet murid tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.3 Sekiranya sekolah mempunyai program pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad, pihak penganjur perlu memberikan laluan atlet murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 3.4 Pihak penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan atlet murid yang terlibat dalam kejohanan ini;

- 3.5 Guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah untuk mengiringi atlet murid dalam kejohanan berkenaan sekiranya ibubapa tidak mengiringi anaknya;
 - 3.6 Penyertaan atlet murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa atau penjaga;
 - 3.7 Pihak penganjur perlu mengawasi atlet murid berkenaan dalam kejohanan berkaitan; dan
 - 3.8 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri dan sekolah dalam menyertai kejohanan tersebut.
4. Merujuk kepada permohonan tuan untuk mendapatkan pengiktirafan kejohanan, Bahagian Sukan kategorikan *National Scholastic Championships* adalah satu kejohanan peringkat kebangsaan yang melibatkan pemilihan atlet murid ke peringkat *Asian Schools Chess Championships* yang akan di adakan di Panjin Lianoing, China pada 20 hingga 29 Julai 2017.
5. Bahagian Sukan juga tiada halangan kepada pihak tuan untuk menggunakan logo Kementerian Pendidikan Malaysia pada sijil, banner, hebahan media sosial dan buku program sahaja dalam menjayakan kejohanan ini.
6. Surat kebenaran ini hanya untuk Persekutuan Catur Malaysia dengan kerjasama Sekolah Sultan Alam Shah yang akan mengelolakan *National Scholastic Championships 2017* bagi kategori Bawah 7, 9, 11, 13, 15 dan 17 Tahun di Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya pada 14 hingga 16 April 2017 sahaja. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Bahagian Sukan.
7. Sekiranya ada pertanyaan berkenaan perkara ini, pihak tuan boleh berhubung dengan En. Anuar bin Idris di talian 03-88841177 atau email anuar.idris@moe.gov.my.

Sekian terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


(ZAINAL BIN ABAS)

Timbalan Pengarah
b.p Pengarah
Bahagian Sukan
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k :
1. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
 2. Pengetua Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya